



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

JUMAAT, 5 APRIL 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

5/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>COURT REJECTS RUMAH BONDA'S APPLICATION TO CHALLENGE JKM'S SEAL ORDER</b>	
	<a href="https://thesun.my/local_news/court-rejects-rumah-bonda-s-application-to-challenge-jkm-s-seal-order-IA12300495">https://thesun.my/local_news/court-rejects-rumah-bonda-s-application-to-challenge-jkm-s-seal-order-IA12300495</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/04/04/court-rejects-rumah-bondas-bid-to-challenge-jkm-seal-order/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/04/04/court-rejects-rumah-bondas-bid-to-challenge-jkm-seal-order/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2285703">https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2285703</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1231653/mahkamah-tolak-permohonan-rumah-bonda-cabar-perintah-jkm-tutup">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1231653/mahkamah-tolak-permohonan-rumah-bonda-cabar-perintah-jkm-tutup</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/04/04/rumah-bonda-gagal-cabar-jkm-tutup-premis/">https://www.kosmo.com.my/2024/04/04/rumah-bonda-gagal-cabar-jkm-tutup-premis/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1077294/mahkamah-tolak-permohonan-rumah-bonda-cabar-perintah-jkm-tutup-premis">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1077294/mahkamah-tolak-permohonan-rumah-bonda-cabar-perintah-jkm-tutup-premis</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/658266/berita/semasa/mahkamah-tolak-permohonan-rumah-bonda-cabar-perintah-jkm-tutup-premis">https://www.sinarharian.com.my/article/658266/berita/semasa/mahkamah-tolak-permohonan-rumah-bonda-cabar-perintah-jkm-tutup-premis</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mahkamah-tolak-permohonan-rumah-bonda-cabar-perintah-jkm-tutup-premis-465264">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mahkamah-tolak-permohonan-rumah-bonda-cabar-perintah-jkm-tutup-premis-465264</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.sinardaily.my/article/216991/focus/national/court-rejects-rumah-bondas-application-to-challenge-jkms-seal-order">https://www.sinardaily.my/article/216991/focus/national/court-rejects-rumah-bondas-application-to-challenge-jkms-seal-order</a>	SINARDAILY.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/04/mahkamah-tolak-permohonan-rumah-bonda-cabar-jkm-tutup-premis/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/04/mahkamah-tolak-permohonan-rumah-bonda-cabar-jkm-tutup-premis/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/701731">https://www.malaysiakini.com/news/701731</a>	MALAYSIAKINI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>KPWKM KENAL PASTI GOLONGAN MEMERLUKAN UNTUK RAPAT JURANG KEMISKINAN</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1231489/kpwkm-kenal-pasti-golongan-memerlukan-untuk-rapat-jurang-kemiskinan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1231489/kpwkm-kenal-pasti-golongan-memerlukan-untuk-rapat-jurang-kemiskinan</a>	BHARIAN.COM.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

5/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>BANTUAN RAMADAN SYAWAL</b>	
	<a href="https://umno-online.my/2024/04/04/bantuan-ramadan-syawal-2/">https://umno-online.my/2024/04/04/bantuan-ramadan-syawal-2/</a>	UMNO-ONLINE.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>ANAK-ANAK KLIEN JKM DISARAN SERTAI LATIHAN KEMAHIRAN</b>	
	<a href="https://suarasarawak.my/anak-anak-klien-jkm-disaran-sertai-latihan-kemahiran/">https://suarasarawak.my/anak-anak-klien-jkm-disaran-sertai-latihan-kemahiran/</a>	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>JKMS, HOTEL DYNASTY SANTUNI 150 ASNAF DI MIRI</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/04/jkms-hotel-dynasty-santuni-150-asnaf-di-miri">https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/04/jkms-hotel-dynasty-santuni-150-asnaf-di-miri</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>VIDEO KORPORAT JABATAN PEMBANGUNAN WANITA 2023</b>	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=pMwUp-H7guo">https://www.youtube.com/watch?v=pMwUp-H7guo</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>SYARIKAT ATAU KLINIK SWASTA DIGALAK MENJADI RAKAN STRATEGIK KGC: FATIMAH</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/04/syarikat-atau-klinik-swasta-digalok-menjadi-rakan-strategik-kgc-fatimah">https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/04/syarikat-atau-klinik-swasta-digalok-menjadi-rakan-strategik-kgc-fatimah</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

5/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>LEBIH RM6.84 JUTA DISALURKAN KEPADA 5,814 PENERIMA BANTUAN KEBAJIKAN DI SRI AMAN SETAKAT MAC</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/04/lebih-rm684-juta-disalurkan-kepada-5814-penerima-bantuan-kebaikan-di-sri-aman-setakat">https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/04/lebih-rm684-juta-disalurkan-kepada-5814-penerima-bantuan-kebaikan-di-sri-aman-setakat</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>WANITA PERLU BIJAK KAWAL EMOSI</b>	
	<a href="https://suarasarawak.my/wanita-perlu-bijak-kawal-emosi/">https://suarasarawak.my/wanita-perlu-bijak-kawal-emosi/</a>	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>ALL FOR WOMEN EMPOWERMENT</b>	
	<a href="https://www.thestar.com.my/starpics/2024/04/04/all-for-women-empowerment">https://www.thestar.com.my/starpics/2024/04/04/all-for-women-empowerment</a>	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	<b>INNER SIDE OF EFFECTIVE PEOPLE</b>	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=BW3QCnPTbcl">https://www.youtube.com/watch?v=BW3QCnPTbcl</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
12	<b>TERAPI KOGNITIF TINGKAH LAKU KE ARAH MINDA SEJAHTERA</b>	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=Z8O2WRQjZzQ">https://www.youtube.com/watch?v=Z8O2WRQjZzQ</a>	YOUTUBE



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

5/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
13	<b>ENGGAN KELUAR KERETA, KANAK-KANAK DICEDERAKAN TEMAN LELAKI IBU</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1077236/enggan-keluar-kereta-kanak-kanak-dicederakan-teman-lelaki-ibu">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1077236/enggan-keluar-kereta-kanak-kanak-dicederakan-teman-lelaki-ibu</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/658226/berita/semasa/mekanik-ditahan-cederakan-anak-teman-wanita#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/658226/berita/semasa/mekanik-ditahan-cederakan-anak-teman-wanita#google_vignette</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	<b>SUAMI ISTERI DITUDUH DERA ANAK GUNA ROTAN, PENYANGKUT BAJU</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1231390/suami-isteri-dituduh-dera-anak-guna-rotan-penyangkut-baju">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1231390/suami-isteri-dituduh-dera-anak-guna-rotan-penyangkut-baju</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://thesun.my/cerita/sepasang-suami-isteri-didakwa-aniaya-kanak-kanak-5-tahun-di-mantin-nilai-OA12300538">https://thesun.my/cerita/sepasang-suami-isteri-didakwa-aniaya-kanak-kanak-5-tahun-di-mantin-nilai-OA12300538</a>	THESUN.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	<b>PENJAGA TOKONG MENGAKU TIDAK BERSALAH ROGOL AKAUNTAN WANITA</b>	
	<a href="https://thesun.my/cerita/berita/penjaga-tokong-mengaku-tidak-bersalah-rogol-akauntan-wanita-HI12298582">https://thesun.my/cerita/berita/penjaga-tokong-mengaku-tidak-bersalah-rogol-akauntan-wanita-HI12298582</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/658150/berita/semasa/penjaga-tokong-mengaku-tidak-bersalah-rogol-akauntan-wanita">https://www.sinarharian.com.my/article/658150/berita/semasa/penjaga-tokong-mengaku-tidak-bersalah-rogol-akauntan-wanita</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/701666">https://www.malaysiakini.com/news/701666</a>	MALAYSIAKINI.COM
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1231352/penjaga-tokong-tak-mengaku-rogol-akauntan">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1231352/penjaga-tokong-tak-mengaku-rogol-akauntan</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1077086/penjaga-tokong-nafi-rogol-akauntan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1077086/penjaga-tokong-nafi-rogol-akauntan</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/04/penjaga-tokong-mengaku-tak-salah-rogol-akauntan/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/04/penjaga-tokong-mengaku-tak-salah-rogol-akauntan/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penjaga-tokong-mengaku-tidak-bersalah-rogol-akauntan-wanita-465196">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penjaga-tokong-mengaku-tidak-bersalah-rogol-akauntan-wanita-465196</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://thesun.my/local_news/temple-keeper-charged-with-raping-accountant-C12298659">https://thesun.my/local_news/temple-keeper-charged-with-raping-accountant-C12298659</a>	THESUN.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

kpwkm

5/4/2024

<https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/04/1034216/temple-caretaker-pleads-not-guilty-raping-accountant>

NST.COM.MY

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/04/04/temple-keeper-charged-with-raping-accountant>

THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	<b>DIDAKWA ROGOL KEKASIH BAWAH UMUR</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1077156/didakwa-rogol-kekasih-bawah-umur">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1077156/didakwa-rogol-kekasih-bawah-umur</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1231457/peniaga-air-mengaku-tidak-bersalah-rogol-remaja">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1231457/peniaga-air-mengaku-tidak-bersalah-rogol-remaja</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/04/04/peniaga-air-kelapa-didakwa-rogol-kekasih-bawah-umur/">https://www.kosmo.com.my/2024/04/04/peniaga-air-kelapa-didakwa-rogol-kekasih-bawah-umur/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/04/peniaga-air-kelapa-didakwa-rogol-kekasih-bawah-umur/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/04/peniaga-air-kelapa-didakwa-rogol-kekasih-bawah-umur/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=cVlcQPxcMw">https://www.youtube.com/watch?v=cVlcQPxcMw</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=NkBth18X2m8">https://www.youtube.com/watch?v=NkBth18X2m8</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/04/1034321/hawker-charged-raping-13-year-old-girl">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/04/1034321/hawker-charged-raping-13-year-old-girl</a>	NST.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	<b>ROGOL CUCU: PETANI KENA 20 TAHUN, 6 SEBATAN</b>	
	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/231874/rogol-cucu-petani-kena-20-tahun-6-sebatan/">https://www.dailyexpress.com.my/news/231874/rogol-cucu-petani-kena-20-tahun-6-sebatan/</a>	DAILYEXPRESS.COM.MY



## Court rejects Rumah Bonda's application to challenge JKM's seal order

BERNAMA

04-04-2024 05:19 PM



Filepic: BERNAMA/Pix

**KUALA LUMPUR:** The High Court today dismissed Pertubuhan Kebajikan Rumah Bonda Kuala Lumpur's (Rumah Bonda) application to challenge the Federal Territory Social Welfare Department's (JKM) action in sealing its premises.

Judge Datuk Ahmad Kamal Md Shahid dismissed the application after finding that the decision by the first respondent (Federal Territory JKM director) to seal the premises was correctly made under the Care Centres Act 1993.

Rumah Bonda, through its chairman, Siti Bainun Ahd Razali (*pix*), filed the judicial review application on Aug 13, 2021, naming the Federal Territory JKM director and the Women, Family and Community Development Minister as the first and second respondents.

Judge Ahmad Kamal said the court also found that the application had become academic since the Originating Summons filed by Rumah Bonda at the Magistrate Court here for an order that JKM remove the seal for its premises had been granted by the said court on July 15, 2022, subject to the condition that it will not operate as a care centre until it is registered.

"The court found that the applicant also knew that Rumah Bonda was not allowed to operate before registration as stated in the letter issued by JKM Wilayah Persekutuan to the applicant," he said.

Judge Ahmad Kamal said the court was of the view that the alleged abuse of Bella, a Down Syndrome teenager under its care was not the reason for the first respondent's decision to seal Rumah Bonda, but rather because the premises had not been registered as a care centre under the Care Centres Act.

The judge said the second respondent should not be named as a party in the application as there was no proof that the second respondent was involved in the decision-making process.

"The decision to seal the premises made by the first respondent and the decision is not tainted with any illegality, irrationality or unreasonableness. Therefore, the court dismissed the judicial review application with no order as to costs," he said when delivering today's decision through Zoom.

Lawyer Asiah Abd Jalil, represented Rumah Bonda while senior federal counsel Nur Idayu Amir acted for the respondents.

On Nov 15, 2021, the High Court, in allowing an objection by the Attorney-General's Chambers, dismissed Rumah Bonda's application for leave to initiate a judicial review on JKM's action in sealing its premises at Taman Setapak, here.

On July 25, 2023, the Court of Appeal ordered the judicial review application by Rumah Bonda to be reverted for hearing at the High Court after a panel of three Court of Appeal judges in a unanimous decision, said there was merit in Rumah Bonda's appeal.

In the application, Siti Bainun stated, among others, that the seal order issued by JKM on July 9, 2021, and the sealing of the premises on July 12 were influenced by public pressure, following media reports on allegations of child abuse at the home which went viral on July 5.

Siti Bainun claimed that the action by both respondents was done in haste following public pressure for JKM and the government to take action concerning the alleged abuse case at the premises.



## KPWKM kenal pasti golongan memerlukan untuk rapat jurang kemiskinan

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - April 4, 2024 @ 2:37pm  
bhnews@bh.com.my



Timbalan Menteri Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

KUALA LUMPUR: c sentiasa mengenal pasti golongan yang memerlukan dalam usaha mengecilkan jurang kemiskinan di negara ini.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata dengan memberikan bantuan sewajarnya, golongan berkenaan diharap dapat membaiki taraf kehidupan mereka.

"Kementerian sentiasa mengenal pasti golongan yang memerlukan dengan membantu mereka sebaik mungkin.

"Ini bertujuan supaya mereka dapat membaiki taraf hidup, sekali gus mengecilkan jurang di antara golongan yang berada dan miskin," katanya pada Majlis Penyampaian Bantuan Ramadan Syawal Kedutaan China di Masjid Al-Mubarakah, Taman Bukit Cheras di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri-Kaunselor Kedutaan China, Lin Shiguang dan Pengerusi Masjid Al-Mubarakah, Datuk Jailani Harun.

Kedutaan China berbesar hati memberikan sumbangan makanan asas kepada seramai 200 asnaf, anak yatim dan orang kurang upaya (OKU) dari kariah masjid berkenaan.

Noraini yakin, usaha kerajaan untuk merapatkan jurang itu mampu dilaksanakan namun mengakui ia akan mengambil masa.

Justeru katanya, pihaknya sangat mengalukan pihak swasta terutamanya untuk bersama membantu dan bekerjasama dalam usaha itu.

"Saya galakkan pihak swasta membantu dengan mengadakan pelbagai program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Usaha pihak ini sudah pasti akan dapat juga membantu meringankan golongan pihak yang memerlukan," katanya.

Beliau turut memuji usaha Kedutaan Besar Republik China yang turut sama membantu memberikan bantuan Syawal kepada mereka yang memerlukan.

"Saya berharap usaha Kedutaan Besar Republik China membantu kariah masjid tidak terhenti di sini dan diteruskan setiap tahun bagi meringankan beban golongan yang memerlukan menjelang Syawal," katanya.

Sementara itu, Shiguang berkata, ini kali kedua pihaknya membantu menghulurkan bantuan makanan asas seperti beras dan gula kepada kariah masjid berkenaan dengan yang pertama pada tahun lalu.

Katanya, bantuan yang diberikan itu tidak seberapa jika dibandingkan dengan kesukaran yang dialami mereka, terutama menjelang Syawal tidak lama lagi.

"Kami sedar masih ramai yang memerlukan pelbagai bantuan bukan sahaja di Malaysia tetapi juga penduduk di Palestin.

"Jadi kami juga berusaha menghulurkan bantuan termampu kepada penduduk di Malaysia dan di Palestin," katanya.




## Bantuan Ramadan Syawal

4 April 2024 Berita Bergambar



KUALA LUMPUR 4 April - Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Ketua Wanita UMNO Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad hadir menyampaikan sumbangan pada majlis Bantuan Ramadan Syawal bersama Kedutaan Besar Republik Rakyat China di Masjid Al Mubarakah Taman Bukit Cheras hari ini - Foto: MediaUMNO



REZEKI RAYA... Mohammad Razi menyampaikan sumbangan Sejambak Kasih Hari Raya Aidilfitri kepada salah seorang penerima pada Majlis Sejambak Kasih Hari Raya Aidilfitri Bahagian Betong (Daerah Pusa) di Dewan al-Amin, hari ini. Foto. OSMAN RAZALI



INISIATIF PRIHATIN... Mohammad Razi menyampaikan KGC kepada salah seorang penerima pada Majlis Sejambak Kasih Hari Raya Aidilfitri Bahagian Betong (Daerah Pusa) di Dewan al-Amin, hari ini. Foto. OSMAN RAZALI

### Anak-anak klien JKM disaran sertai latihan kemahiran

@ SS Admin 📅 1 jam lepas 📍 SARAWAK ⌚ 1 jam lepas

**BELADIN:** Ahli isi rumah (AIR) atau anak klien Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) disaran untuk menyertai latihan kemahiran dalam bidang yang diperlukan industri hari ini menerusi Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK).

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Datuk Mohammad Razi Sitam berkata, PLKK merupakan salah satu inisiatif di bawah program pembangunan ekonomi (PE) yang menyasarkan penyertaan anak-anak klien JKM.

"Mereka berpeluang menyertai latihan kemahiran dalam bidang minyak dan gas, scaffolding dan sebagainya, yang mana akhirnya kelak ditawarkan pekerjaan," katanya.

Bellau berkata demikian semasa merasmikan Majlis Sejambak Kasih Hari Raya Aidilfitri Bahagian Betong (Daerah Pusa) di Dewan al-Amin, hari ini.

Impak program tersebut jelasnya, AIR seusai latihan dapat membantu keluarga menambah pendapatan dan tidak lagi bergantung kepada bantuan bulanan kebajikan semata-mata.

"Sehubungan itu, kita menyeru dan menawarkan peluang kepada lebih ramai anak-anak klien JKM menyertai program seumpama ini.

"Kerajaan hanya membuka peluang keemasan ini kepada anak-anak klien JKM iaitu penerima bantuan bulanan kebajikan, bekas penghuni institusi kebajikan dan bekas pelatih Perintah Khidmat Masyarakat," ujarnya.

Menurutnya lagi, masih terlalu kurang yang menyertainya sedangkan ia peluang besar untuk menimba kemahiran dalam bidang yang dikehendaki industri hari ini.


Menyentuh tentang Kad Emas Kenyalang (KGC), ADUN Saribas itu menyatakan kini Kerajaan Sarawak sedang mempertimbangkan banyak cadangan penambahbaikan faedah inisiatif itu.

"Sesungguhnya, Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg amat prihatin soal ini.

"Maka memang akan ada penambahbaikan, cuma kini sedang dinilai dan dipertimbangkan," katanya.

Tahun ini katanya, 2,216 orang penerima bantuan di Bahagian Betong menerima sumbangan Sejambak Kasih Hari Raya Aidilfitri.

ADUN Beting Maro Razaili Gapor, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak Adana Jed, Pegawai Kebajikan Masyarakat Bahagian Betong Abdul Shamat Kassim, wakil Residen Bahagian Betong Florence Bulan Johnny dan Pemangku Pegawai Daerah Pusa Jemain Wahab turut hadir.



TAJUK : 4 JAM MENGEMIS DAPAT RM400

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 5 APR 2024

M/SURAT : 20

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

## 4 jam mengemis dapat RM400

**Georgetown:** Tidak segan silu meminta wang, bazar Ramadan di Lebuh Queen di sini, menjadi tumpuan pengemis dipercayai warga asing bagi meraih pendapatan hasil sedekah orang ramai.

Selain warga emas, kanak-kanak seawal usia lima tahun turut dilihat mengemis dengan pelbagai gelagat di sepanjang laluan di bazar itu.

Peniaga yang mahu dikenali sebagai Abdul, 39, berkata kebanyakan warga asing itu dipercayai mengemis sejak hari pertama Ramadan dan biasa berlaku setiap kali bulan puasa.

Katanya, kira-kira 10 pengemis dilihat pada hari bekerja dan angkanya meningkat sehingga 20 orang pada cuti hujung minggu.

"Kita terima banyak aduan pengunjung yang tidak selesa, malah ada pelanggan tidak jadi beli makanan apabila dikerumuni kanak-kanak meminta wang.

"Aduan sudah dibuat kepada penganjur bazar dan pihak berkuasa, malah sudah tular di media sosial awal Ramadan lalu, namun tiada tindakan.

"Tindakan pengemis ini turut memberi persepsi tidak baik dalam kalangan pelancong," katanya ketika ditemui di sini.

Tinjauan mendapati, sekumpulan pengemis warga asing, selain dua warga tempatan berada di lokasi seawal jam 4 petang.

Ada dalam kalangan mereka duduk di atas jalan raya bersa-

ma anak yang sedang tidur, menanti pemberian wang orang ramai sambil menunjukkan bekas wang.

Beberapa pengemis lain pula dilihat melarikan diri selepas menyedari gelagat diperhatikan.

Tidak kurang pengemis kanak-kanak yang menarik tangan pengunjung seolah-olah memaksa diberikan wang.

Situasi itu membuatkan pengunjung dari Sungai Pinang, Syarifah Azman, 50, tidak selesa ketika berjalan di gerai bagi membeli juadah.

Dia yang hadir bersama tiga lagi ahli keluarga berkata, ketika menanti giliran membeli kuih, tangannya ditarik kanak-kanak lelaki sebelum meminta wang dan tidak fasih berbahasa Melayu.

"Saya sangka anak saya yang tarik tangan, rupa-rupanya kanak-kanak itu (pengemis) sambil menunjukkan bekas wang.

"Bukan tidak mahu bagi (wang), tetapi saya sudah beri kepada seorang, selepas itu empat lagi kanak-kanak (pengemis) datang meminta wang," katanya ketika ditemui, di sini.


Sementara itu, seorang pengemis warga asing yang tidak fasih berbahasa Melayu mengakui lokasi pelancongan itu sasaran mudah untuk mendapatkan wang.

Pada awal Ramadan lalu, dia pernah mendapat wang RM400 sepanjang hampir empat jam mengemis di situ bersama anaknya berusia enam tahun.



Bazar Ramadan di Lebuh Queen, Georgetown jadi lubuk pengemis warga asing.

(Foto Zuhainy Zulkiffli/BH)



TAJUK : JKMS, HOTEL DYNASTY SANTUNI 150 ASNAF DI MIRI

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 5 APR 2024

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## JKMS, Hotel Dynasty santuni 150 asnaf di Miri

**MIRI:** Seramai 150 orang asnaf menerima sumbangan Hari Raya berupa duit raya RM100 dan makanan yang disampaikan pada majlis Sejambak Kasih anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) di Hotel Dynasty di sini, semalam.

Mereka antara 976 penerima bantuan Hari Raya JKM di sini, tahun ini.

JKM akan mengkreditkan bantuan RM100 ke dalam akaun 726 penerima yang tidak hadir.

Majlis turut diadakan kelmarin di Dewan Masyarakat Bekenu melibatkan 100 penerima.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, sumbangan tersebut bertujuan meringankan beban kewangan dalam menyambut Hari Lebaran selain membantu meningkatkan kualiti hidup keluarga yang kurang berkemampuan.

Beliau berterima kasih kepada pihak hotel atas kerjasama yang diberikan dengan Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Miri untuk menjayakan aktiviti itu termasuk membenarkan penganjuran majlis di peka-



**SEIKHLASNYA:** Fatimah menyampaikan bantuan Hari Raya kepada salah seorang penerima disaksikan (dari kanan) Vivian, Rosey dan Pui di Hotel Dynasty Miri, semalam.

rangan hotel.

Pihak Dynasty juga menyampaikan sumbangan hamper makanan bernilai RM150 setiap seorang membabitkan jumlah RM22,500.


Selain Hari Raya, hotel tersebut juga pernah menjadi tempat penganjuran majlis sumbangan untuk perayaan Tahun Baharu Cina dan perayaan Hari Gawai akan datang.

Fatimah memberitahu, seramai 16,624 orang atau 31 peratus daripada penerima bantuan di negeri ini akan menerima sumbangan Hari

Raya JKMS yang berjumlah RM1,662,400.

Menurutnya, dari bulan Januari hingga Mac tahun ini, JKMS telah menyalurkan perbelanjaan sebanyak RM64,495,350 untuk 54,321 penerima bantuan bulanan.

Hadir sama Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bekenu Datuk Rosey Yunus, Pegawai JKM Miri Vivian Eng Kiong dan Pengarah Urusan Hotel Dynasty Miri Tony Pui.



## JKMS, Hotel Dynasty santuni 150 asnaf di Miri

© 2024-04-04T15:37:18+08:00



Fatimah menyampaikan bantuan Hari Raya kepada salah seorang penerima disaksikan (dari kanan) Vivian, Rosey dan Pui di Hotel Dynasty Miri, pada Khamis.

MIRI: Seramai 150 orang asnaf menerima sumbangan Hari Raya berupa duit raya RM100 dan makanan yang disampaikan pada majlis Sejambak Kasih anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) di Hotel Dynasty di sini, pada Khamis.

Mereka antara 976 penerima bantuan Hari Raya JKM di sini, tahun ini.

JKM akan mengkreditkan bantuan RM100 ke dalam akaun 726 penerima yang tidak hadir.

Majlis turut diadakan kelmarin di Dewan Masyarakat Bekenu melibatkan 100 penerima.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, sumbangan tersebut bertujuan meringankan beban kewangan dalam menyambut Hari Lebaran selain membantu meningkatkan kualiti hidup keluarga yang kurang berkemampuan.

Beliau berterima kasih kepada pihak hotel atas kerjasama yang diberikan dengan Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Miri untuk menjayakan aktiviti itu termasuk membenarkan penganjuran majlis di pekarangan hotel.

Pihak Dynasty juga menyampaikan sumbangan hamper makanan bernilai RM150 setiap seorang membabitkan jumlah RM22,500.

Selain Hari Raya, hotel tersebut juga pernah menjadi tempat penganjuran majlis sumbangan untuk perayaan Tahun Baharu Cina dan perayaan Hari Gawai akan datang.

Fatimah memberitahu, seramai 16,624 orang atau 31 peratus daripada penerima bantuan di negeri ini akan menerima sumbangan Hari Raya JKMS yang berjumlah RM1,662,400.

Menurutnya, dari bulan Januari hingga Mac tahun ini, JKMS telah menyalurkan perbelanjaan sebanyak RM64,495,350 untuk 54,321 penerima bantuan bulanan.

Hadir sama Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bekenu Datuk Rosey Yunus, Pegawai JKM Miri Vivian Eng Kiong dan Pengarah Urusan Hotel Dynasty Miri Tony Pui.



TAJUK :	SYARIKAT, KLINIK SWASTA DIGALAK JADI RAKAN STRATEGIK KGC		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	5 APR 2024	M/SURAT :	03
STONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

# Syarikat, klinik swasta digalok jadi rakan strategik KGC

Semakin banyak penyertaan sebagai rakan strategik, semakin banyak manfaat kepada warga emas di Sarawak: Fatimah

Oleh Mohamad Norhadie Sahari

**MIRI:** Lebih banyak syarikat atau klinik swasta digalokkan agar tampil bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak sebagai rakan strategik Kenyalang Gold Card (KGC) bagi kesejahteraan bersama.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, semakin banyak penyertaan sebagai rakan strategik, semakin banyak manfaat kepada warga emas di Sarawak.

"Lebih banyak rebat atau diskaun akan diberikan syarikat swasta atau badan korporat melalui KGC, jumlah rebat ini berbeza-beza bermula daripada tiga hingga 40 peratus.

"Bagi kita di kementerian, kita menerima jumlah rebat akan diberikan sebagai contoh terdapat kedai runcit di Sarikei yang kecil juga memberikan rebat tiga peratus,"

jelasnya.

Fatimah berkata demikian dalam Majlis Penyampaian Plak KGC kepada Rakan Strategik iaitu Klinik Jaya Medik di sini, semalam.

Menurut Fatimah, bagi tahun 2020 sehingga 29 Februari 2024, sebanyak 275,130 KGC telah diagihkan di seluruh Sarawak.

"Daripada jumlah tersebut 38,365 KGC telah diagihkan di Bahagian Miri dan pemegang KGC di Miri boleh mendapatkan pelbagai keistimewaan yang ditawarkan 68 rakan strategik di seluruh Bahagian Miri dan 578 rakan strategik di seluruh Sarawak," ujarnya.

Pihaknya tambahnya, akan meneruskan usaha menambah rakan strategik selaras dengan perancangan kerajaan negeri untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan di klinik swasta di bawah inisiatif baharu KGC Plus.

"Ia sangat baik bagi Klinik Jaya Medik ini bekerjasama sebagai rakan strategik dan kita akan memastikan mereka

“Lebih banyak rebat atau diskaun akan diberikan syarikat swasta atau badan korporat melalui KGC, jumlah rebat ini berbeza-beza bermula daripada tiga hingga 40 peratus.”

Dato Sri Fatimah Abdullah  
Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti

juga akan menjadi salah satu rakan strategik KGC Plus nanti," jelasnya.

Bagi golongan warga emas di Sarawak, mereka disediakan dengan potongan harga dan perkhidmatan melalui penggunaan KGC dengan kerjasama rakan strategik KGC yang terdiri daripada syarikat swasta dan pusat komersial berdaftar di serata Sarawak.

Sebagai rakan strategik baharu, Klinik Jaya Medik menawarkan diskaun lima hingga 10 peratus ke atas pelbagai produk dan perkhidmatan.

Antara perkhidmatan yang

disediakan ialah perundingan dan rawatan kesihatan (diabetes, hipertensi dan hiperkolesterol), penjagaan dan rawatan luka, jahitan luka, ujian gula dalam darah, pakej ujian darah dan air kencing, pemeriksaan perubatan, pengurusan kateter urinari, menukar tiub NG dan prosedur kesihatan bagi pesakit luar.

Selain Klinik Jaya Medik, antara rakan strategik di Miri ialah Hospital Columbia Asia, Hospital Pakar KPJ Miri dan farmasi perubatan serta kedai cermin mata.

KGC juga dilengkapi dengan Bantuan Ihsan Kema-



**RAKAN STRATEGIK BAHARU:** (Dari kanan) Vivian, Rosey dan Fatimah bergambar bersama pemenerima kad KGC yang akan menikmati kemudahan kesihatan di Klinik Jaya Medik Miri, semalam.


tian (BIK) yang merupakan pemberian kepada waris pemegang KGC yang meninggal dunia bagi menanggung kos pengebumian sejumlah RM3,000.

Sejak 2020 sehingga 29 Februari 2024, sejumlah 16,690 permohonan BIK

telah diluluskan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM50.07 juta bagi seluruh Sarawak.

Manakala bagi Bahagian Miri, 1,297 permohonan BIK telah diluluskan dengan perbelanjaan sebanyak RM3.891 juta.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Rosey Yunus, Pengarah Klinik Jaya Medik Dr Haizul Amri Mohd Dzulkaffli dan Pegawai JKM Miri Vivian Engkiang.



TAJUK :	'SARAWAK WELCOME PRIVATE COMPANIES, CLINICS AS STRATEGIV PARTNER TO KGC'		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	5 APR 2024	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## 'Sarawak welcomes private companies, clinics as strategic partner to KGC'

**MIRI:** The Sarawak government welcomes more private companies and clinics to cooperate with the Welfare Department (JKM) as a strategic partner to the Kenyalang Gold Card (KGC), said Dato Sri Fatimah Abdullah.

The Women, Childhood and Community Wellbeing Development Minister said this would contribute to better well-being and health of the elderly in the state as more rebates or discounts would be given by these private companies and corporate bodies through the KGC.

"The quantum of these rebates varies from three to 40 per cent. As for us at the ministry, we accept the amount of rebates that will be given, and there is even a small grocery store in Sarikei as a strategic partner which offers a three per cent rebate," she said.

She was speaking during the KGC plaque presentation ceremony to its latest strategic partner Klinik Jaya Medik here yesterday.

According to Fatimah, a total of 275,130 KGCs have been distributed throughout the state between 2020 and Feb 29, 2024.

"Of this total, 38,365 KGCs have been distributed in Miri Division

and KGC holders in Miri can get various privileges offered by 68 strategic partners throughout Miri Division, and as many as 578 strategic partners throughout Sarawak," she said.

She assured that her ministry would continue efforts to add more partners in line with the state government's plan to include health services in private clinics under the new KGC Plus initiative.

"It is very good for Klinik Jaya Medik to cooperate as a strategic partner and we will ensure that they will also be one of the strategic partners of KGC Plus later," she added.

Cardholders are entitled to discounted prices and services under this programme in collaboration with KGC's strategic partners from the private sector throughout Sarawak.

Meanwhile, Klinik Jaya Medik director Dr Haizul Amri Mohd Dzulkafli said his clinic is offering a five to 10 per cent discount on various products and services.

Among the services provided are health consultation and treatment (diabetes, hypertension and hypercholesterolemia), wound care and treatment, wound suturing, blood sugar test, blood



(From left) Dr Haizul and Fatimah stick a KGC strategic partner sticker on Klinik Jaya Medik's door, while Rosey looks on.

and urine test package, medical checkup, urinary catheterisation, changing NG tube and others, including outpatient health procedures, he revealed.

Other strategic KGC partners in Miri include the Columbia Asia Hospital, KPJ Miri Specialist Hospital, several other clinics and pharmacies, and optometrists.

Under the KGC's Bantuan Ihsan Kematian (BIK), a grant of RM3,000 is paid to the next-of-kin of the deceased card holder

to cover the funeral costs.

Fatimah said a total of RM50,070,000 BIK has been paid out between 2020 and February 29 this year to 16,690 approved applications.

For Miri Division, 1,297 BIK applications were approved with RM3,891,000 paid out accordingly.

Also present at the ceremony were Fatimah's deputy Datuk Rosey Yunus, and Miri welfare officer Vivian Engkiang.



## Syarikat atau klinik swasta digalakkan menjadi rakan strategik KGC: Fatimah

© 2024-04-04T15:35:01+08:00



(Dari kanan) Vivian, Rosey dan Fatimah bergambar bersama penerima kad KGC yang akan menikmati kemudahan kesihatan di Klinik Jaya Medik Miri, hari ini.

MIRI: Lebih banyak syarikat atau klinik swasta digalakkan agar tampil bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak sebagai rakan strategik Kenyalang Gold Card (KGC) bagi kesejahteraan bersama.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, semakin banyak penyertaan sebagai rakan strategik, semakin banyak manfaat kepada warga emas di Sarawak.

"Lebih banyak rebat atau diskaun akan diberikan syarikat swasta atau badan korporat melalui KGC, jumlah rebat ini berbeza-beza bermula daripada tiga hingga 40 peratus.

"Bagi kita di kementerian, kita menerima jumlah rebat akan diberikan sebagai contoh terdapat kedai runcit di Sarikei yang kecil juga memberikan rebat tiga peratus," jelasnya.

Fatimah berkata demikian dalam Majlis Penyampaian Plak KGC kepada Rakan Strategik iaitu Klinik Jaya Medik di sini, hari ini.

Menurut Fatimah, bagi tahun 2020 sehingga 29 Februari 2024, sebanyak 275,130 KGC telah diagihkan di seluruh Sarawak.

"Daripada jumlah tersebut 38,365 KGC telah diagihkan di Bahagian Miri dan pemegang KGC di Miri boleh mendapatkan pelbagai keistimewaan yang ditawarkan 68 rakan strategik di seluruh Bahagian Miri dan 578 rakan strategik di seluruh Sarawak," ujarnya.

Pihaknya tambahnya, akan meneruskan usaha menambah rakan strategik selaras dengan perancangan kerajaan negeri untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan di klinik swasta di bawah inisiatif baharu KGC Plus.

"Ia sangat baik bagi Klinik Jaya Medik ini bekerjasama sebagai rakan strategik dan kita akan memastikan mereka juga akan menjadi salah satu rakan strategik KGC Plus nanti," jelasnya.

Bagi golongan warga emas di Sarawak, mereka disediakan dengan potongan harga dan perkhidmatan melalui penggunaan KGC dengan kerjasama rakan strategik KGC yang terdiri daripada syarikat swasta dan pusat komersial berdaftar di serata Sarawak.

Sebagai rakan strategik baharu, Klinik Jaya Medik menawarkan diskaun lima hingga 10 peratus ke atas pelbagai produk dan perkhidmatan.

Antara perkhidmatan yang disediakan ialah perundingan dan rawatan kesihatan (diabetes, hipertensi dan hiperkolestrol), penjagaan dan rawatan luka, jahitan luka, ujian gula dalam darah, pakej ujian darah dan air kencing, pemeriksaan perubatan, pengurusan kateter urinari, menukar tiub NG dan prosedur kesihatan bagi pesakit luar.

Selain Klinik Jaya Medik, antara rakan strategik di Miri ialah Hospital Columbia Asia, Hospital Pakar KPJ Miri dan farmasi perubatan serta kedai cermin mata.

KGC juga dilengkapi dengan Bantuan Ihsan Kematian (BIK) yang merupakan pemberian kepada waris pemegang KGC yang meninggal dunia bagi menanggung kos pengebumian sejumlah RM3,000.

Sejak 2020 sehingga 29 Februari 2024, sejumlah 16,690 permohonan BIK telah diluluskan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM50.07 juta bagi seluruh Sarawak.

Manakala bagi Bahagian Miri, 1,297 permohonan BIK telah diluluskan dengan perbelanjaan sebanyak RM3.891 juta.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Datuk Rosey Yunus, Pengarah Klinik Jaya Medik Dr Haizul Amri Mohd Dzulkafli dan Pegawai JKMM Miri Vivian Engkiang.



TAJUK : 50 MOTHERS, NEWBORNS IN KUCHING RECEIVE GRANTS FROM SARAWAK GOVT

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 5 APR 2024

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## 50 mothers, newborns in Kuching receive grants from Sarawak govt

**KUCHING:** A total of 50 mothers and newborn babies received grants at the Sarawak General Hospital's (SGH) postnatal ward on Wednesday.

Women, Childhood and Community Wellbeing Development Minister Dato Sri Fatimah Abdullah said these grants of RM450 were

for mothers who had just given birth, while incentives of RM1,000 would be deposited into the accounts of newborns.

Fatimah made the visit in conjunction with the month of Ramadan to bring cheer to those in the ward, and also handed out goodies and duit raya to patients for the festival.

The minister said the special activity carried out at the postnatal ward would hopefully continue in future for the benefit of patients.

It is the responsibility of all to promote community well-being, particularly during the Ramadan month, she added.



Fatimah (second right) presents Aidilfitri goodies and duit raya to a mother.



TAJUK :	150 FAMILIES IN NEED RECEIVE RAYA AID FROM WELFARE DEPARTMENT		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	5 APR 2024	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

# 150 families in need receive Raya aid from welfare department

**MIRI:** A total of 150 underprivileged families here received RM100 in 'duit raya' and food aid from the Welfare Department at the 'Sejambak Kasih' programme, here yesterday.

Jointly hosted by the divisional welfare office and Dynasty Hotel, the event was graced by Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Dato Sri Fatimah Abdullah.

According to Fatimah, the 150 household recipients were among the 976 recipients of the department's Hari Raya assistance, meant to ease their financial burden in preparing for the festival.

"The cash assistance of RM100 will be credited into the accounts of 726 recipients who are not present at today's ceremony," she said, adding that another



Fatimah extends the Raya aid to a recipient, witnessed by (from right) Vivian, Rosey, Pui and Pong.


ceremony had taken place at the Bekenu community hall on Wednesday, involving a total of 100 recipients. "A total of 16,624 people or 31 per cent of the total aid

recipients in this state will be receiving Hari Raya aid from the department amounting to RM1,662,400. From January to March this year, the department has recorded an expenditure of RM64,495,350 for a total of 54,321 recipients of monthly aid," she disclosed.

At the event, the Dynasty Hotel management also presented food aid worth RM150 to each of the 150 household recipients, with the overall donation amounting to RM22,500.

Apart from Hari Raya, Dynasty Hotel has also been hosting similar events for Chinese New Year and Gawai over the past 20 years.

Also present were Fatimah's deputy Datuk Rosey Yunus, Miri welfare officer Vivian Engkiang, and Dynasty Hotel Miri managing director Tony Pui and wife Penghulu Betty Pong.



## Lebih RM6.84 juta disalurkan kepada 5,814 penerima bantuan kebajikan di Sri Aman setakat Mac

© 2024-04-04T10:27:44+08:00



Harden (tiga kanan) menyampaikan sumbangan kepada penerima manfaat sambil diperhatikan oleh Faisal (kanan), Imelda Jipos (dua kanan), Shariff (tiga kiri), Mohammed Yakob (dua kiri), Aimidiana Oton (kiri) semasa majlis berkenaan semalam.

SRI AMAN: Seramai 5,814 penerima bantuan kebajikan membabitkan dana RM6,841,350 telah disalurkan kepada penerima manfaat di bahagian Sri Aman setakat bulan Mac tahun ini.

Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat, Datuk Francis Harden Hollis berkata, manakala terdapat seramai 734 penerima bantuan kebajikan di Bahagian Sri Aman menyambut Hari Raya Aidilfitri 2024.

"Menerusi majlis ini, sejumlah RM73,400 peruntukan dibelanjakan oleh kerajaan Sarawak untuk menyediakan duit raya bernilai RM100 setiap seorang bagi meringankan beban penerima bantuan ketika menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun ini," jelasnya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simanggang berkata demikian ketika berucap di Majlis Sejahtera Kasih Hari Raya Aidilfitri 2024 bertempat di salah sebuah hotel terkemuka di sini, semalam.

Menyentuh majlis berkenaan, Harden menambah, majlis yang diadakan ini sebagai platform untuk menyalurkan bantuan kepada penerima Bantuan Bulanan Kebajikan di Bahagian Sri Aman yang bertujuan untuk meringankan beban perbelanjaan ketika menjelang musim perayaan.

"Di samping itu, ini memperlihatkan usaha kerajaan mengambil bahagian dalam memeriahkan suasana perayaan kaum di negeri ini," katanya lanjut.

Hadir pada majlis tersebut ialah wakil Residen Bahagian Sri Aman, Faisal Asi, Pegawai Daerah Sri Aman, Shariff Bujang, wakil Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri Sarawak, Mohammed Yakob Morshidi, Pegawai Pembangunan Masyarakat Bahagian Sri Aman, Imelda Jipos serta Timbalan Pengetua Rumah Kanak-Kanak Datuk Ajibah Abol, Sri Aman (RKKDAA) Sri Aman, Aimidiana Oton.



## Wanita perlu bijak kawal emosi

📍 KALSUM MOHAMMADIN 🕒 5 jam lepas 📍 POJOK 🕒 5 jam lepas

**TIDAK** dinafi kan, wanita memikul tanggungjawab besar sebagai isteri, ibu, penjaga keluarga, pengurus rumah tangga dan warga kerja negara.

Di Malaysia, tenaga kerja wanita berdaftar sentiasa meningkat setiap tahun. Bahkan, lebih 70 peratus pelajar di universiti adalah wanita.

Kecemerlangan mereka dalam pendidikan tidak diterjemahkan kepada penyertaan yang lebih besar dalam tenaga kerja.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, di peringkat global, wanita memegang peranan penting dalam ekonomi, khususnya dalam sektor pertanian yang membentuk sehingga 43 peratus tenaga kerja.

Di sesetengah negara pula meningkat sehingga 70 peratus.

Malah, peranan wanita katanya, menjadi lebih jelas apabila separuh daripada penduduk Malaysia adalah wanita.

Berdasarkan laporan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pada 2023 dianggarkan 33.4 juta penduduk dengan 15.9 juta wanita.

Jelasnya, nisbah antara lelaki dan wanita sekitar 109:100 dan hampir 70 peratus daripada mereka yang berada di institusi pengajian tinggi adalah wanita.

Berbekalkan pendidikan serta kegigihan, golongan wanita mampu menembus tembok penghalang dan membuktikan mereka mampu menggalas tampuk kepimpinan.

### KESIHATAN MENTAL

Bagaimanapun, dedah beliau, kesihatan mental adalah aspek penting yang sering diabaikan.

Ia perlu diberi perhatian kerana kesihatan mental penting untuk menjamin kesejahteraan wanita secara menyeluruh.

Berdasarkan data Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kira-kira 41.9 peratus wanita menghadapi masalah kesihatan mental, dibandingkan lelaki — 29.3 peratus.

Harus diingat, kesihatan mental sangat penting kepada wanita kerana ia boleh memberi kesan terhadap diri dan sesiapa di bawah jagaan mereka.

Apabila wanita mengalami masalah kesihatan mental, kemampuan menjalankan tanggungjawab seharian mereka boleh terjejas. Ia menjejaskan kesejahteraan dan kesihatan ahli keluarga yang lain.

Sebagai contoh, apabila wanita dilanda kemurungan, fikiran negatif akibat kemurungan boleh menyebabkan mereka membuat keputusan kurang baik dalam pilihan pemakanan atau cara penjagaan anak-anak.

Malah, tanggungjawab yang semakin bertambah tanpa pertambahan sistem sokongan boleh menimbulkan kesukaran untuk menjayakan segala tanggungjawab mereka.

Oleh itu, sokongan emosi amat penting bagi wanita terutamanya ketika mereka melalui perubahan atau kehilangan dalam hidup.

Ini kerana, sifat semula jadi wanita selalunya ingin meluahkan perasaan mereka.

Perasaan mereka bertambah baik apabila masalah didengari.

### PENJAGAAN DIRI

Dalam kesibukan wanita menjaga ahli keluarga atau orang lain, mereka perlu meluangkan masa untuk aktiviti penjagaan diri — memberi kepuasan diri seperti bersantai, berekreasi, hobi, hiburan dan sebagainya.

Justeru, tidak dinafi kan bahawa pengawalan emosi yang baik dan sihat diperlukan oleh wanita terutama untuk menjadi hebat apabila berada di tempat kerja.

Jika wanita bijak mengawal emosi ketika berada dalam situasi kritikal, ia dapat mempamerkan tingkah laku positif dalam menangani sebarang cabaran dan krisis yang tiba.

Seterusnya, kejayaan wanita dalam mengawal emosi di peringkat pertengahan dan pengurusan dapat mengubah persepsi masyarakat. Pengawalan emosi yang baik juga dapat meningkatkan kesejahteraan hidup serta kesihatan mental.

Petikan kata-kata daripada Hamka: "Perempuan ialah tiang negara.

Jika perempuannya baik, baiklah negara dan jika mereka buruk, buruklah pula negara".

Ia mencerminkan bahawa wanita hebat itu mempunyai peranan besar dalam pembangunan sesebuah negara.



## All for women empowerment

STARPICKS

Thursday, 04 Apr 2024



Suri receiving her Outstanding Achievement award for Female Entrepreneur of the year in the up to RM25mil tier. — FAIHAN GHANI/The Star

### Hegira's CEO seeks to inspire more women entrepreneurs

IN the dynamic realm of fashion and lifestyle, few narratives resonate as powerfully as that of Suri Daman and her brainchild, Hegira.

Recently honoured with the Outstanding Achievement award as the Female Entrepreneur of the Year at The Star Outstanding Business Awards (SOBA) in the up to RM25mil tier, Suri's transition from corporate America to Malaysia's thriving modest fashion industry stands as a testament to her unwavering passion, entrepreneurial flair and dedication to empowering women.

Her journey began in Boston, Massachusetts, where she embarked on her corporate path after completing her studies in Biology and Economics.

Submerged in the fast-paced world of software and product development during the dot-com boom era, she honed her technological prowess and championed a human-centred design approach.



Suri: "Each venture has been a transformative learning experience, shaping my approach, refining my strategies, and fuelling my passion for innovation and growth."

Balancing the diverse demands of global clients, she led a talented team of developers based in Bengaluru (previously, Bangalore), India, delivering innovative solutions that served prestigious educational institutions like Harvard University and the University of Arizona.

But her return to Malaysia after 13 transformative years abroad sparked her entrepreneurial zeal and laid the foundation for innovative ventures.

Recognising the untapped potential of the modest Muslimah fashion industry, Suri shifted her focus and co-founded several successful brands before launching Hegira, her most ambitious and impactful venture to date, a joint-venture with Siti Khadijah.

Inspired by Prophet Muhammad's historic Hijrah from Mecca to Medina, it encapsulates the essence of transition, transformation for the better and new beginnings.

Rooted in a deep-seated belief in the pivotal role of women in shaping households, communities, and nations, Hegira's mission extends beyond fashion.

By empowering women with products that simplify and enrich their daily lives, the brand aims to catalyse positive changes at every level of society.



Hegira encapsulates the essence of transition, transformation for the better and new beginnings.

Initially carving a niche in the hijab market, Hegira plans to evolve into a comprehensive lifestyle brand, offering a diverse range of products designed to simplify and elevate women's daily lives.

Committed to research and development, Suri and her dynamic team continually push the boundaries of innovation within the hijab category and beyond. Hegira's expanding retail footprint is a testament to its growing popularity and consumer appeal.


Since its modest inception in 2019, Hegira has grown exponentially, now boasting five vibrant retail stores across Malaysia including at the IOI City Mall, Sogo KL, Aeon Shah Alam, Aeon Kota Baru and Bandar Baru Uda Johor Baru.

Hegira aims to reach greater heights with plans to open five more stores by end 2024, offering immersive spaces to customers.

It has adeptly leveraged digital platforms, including popular marketplaces and its own e-commerce website, to reach a broader audience and capitalise on the digital transformation reshaping the retail landscape.

The brand's remarkable growth trajectory, marked by triple-digit growth year after year since its inception in 2018, underscores its strong market position and enduring consumer loyalty across Malaysia, Brunei, Singapore and the Philippines.

The brand exemplifies Suri's commitment to creating impactful opportunities and effecting positive change at a grassroots level with an all-local workforce comprising over 92% women that includes single mothers and the underserved communities.



## Enggan keluar kereta, kanak-kanak dcederakan teman lelaki ibu

Abnor Hamizam Abd Manap  
am@hmetro.com.my



JEMPOL 4 APRIL 2024. ( ) Mangsa disah mengalami kecederaan akibat perbuatan teman lelaki ibunya Foto ihsan polis

Jempol: Enggan keluar dari kereta, seorang kanak-kanak berusia 2 tahun mengalami lebam dan luka dipercayai dcederakan teman lelaki ibunya.

Ketua Polis Daerah Jempol Superintendan Hoo Chang Hook berkata, mangsa sebelum itu dibawa oleh suspek berusia 35 tahun ke pasar raya di Bahau pada jam 8.30 malam semalam bagi membeli barang keperluan tanpa ditemani ibunya.

Katanya, apabila mangsa dihantar pulang oleh suspek pada 10.10 malam, nenek mangsa mendapati dia dalam keadaan menangis sebelum membuat pemeriksaan ke atas cucunya itu.

"Warga emas berusia 66 tahun itu mendapati kesan luka pada bibir, kesan merah pada kedua-dua belah telinga, kesan lebam pada lengan kiri dan mengesyaki mangsa dcederakan.

"Nenek mangsa kemudian cuba menghubungi anaknya bagi bertanya apa yang berlaku namun gagal disebabkan sudah keluar dengan suspek sebelum warga emas itu membuat laporan pada jam 12.10 malam di Balai Polis Bahau," katanya.


Hoo berkata, mangsa dihantar ke Hospital Jempol bagi menjalani pemeriksaan sebelum doktor mengesahkan mangsa mengalami kecederaan luka pada gegendang telinga kiri, lebam kedua-dua telinga, luka pada bibir bawah, muka dan lengan kiri.

Katanya, mangsa kemudian dirujuk ke Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah untuk pemeriksaan lanjut.

"Suspek yang sudah tiga bulan menjadi teman lelaki ibu mangsa kemudian ditahan bagi membantu siasatan dan suspek mengaku mencederakan mangsa ketika berada di dalam kereta di hadapan sebuah pasar raya.

"Suspek bertindak mencederakan mangsa sebab mangsa enggan mengikutnya keluar dari kereta dan berang selepas jari telunjuk kirinya digigit mangsa sehingga berdarah," katanya.

Hoo berkata, suspek yang bekerja sebagai mekanik direman selama tujuh hari bermula hari ini sehingga 10 April bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.



TAJUK : SUAMI ISTERI HADAPI TUDUHAN SEBABKAN KECEDEeraan ANAK

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 5 APR 2024

M/SURAT : 23

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK M

# Suami isteri hadapi tuduhan sebabkan kecederaan anak

**Seremban:** Sepasang suami isteri dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tuduhan menyebabkan kecederaan ke atas anak lelaki mereka yang berusia lima tahun, sejak April 2023.

Tertuduh, Mohammad Zul Shafiq Shammadi, 29 dan Nurwadahtulfatanah Mohamad, 25, mengaku tidak bersalah sejourus pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

Mengikut pertuduhan, tertuduh secara bersama didakwa

menganiayai atau bertindak secara cuai hingga kecederaan fizikal secara memukul menggunakan rotan dan penyangkut baju pada tubuh badan mangsa.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah rumah di Jalan Pancaendera 6, Mantin, dekat Nilai antara April 2023 sehingga 23 Mac tahun ini.

Mereka didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 31(1) (A) Akta Kanak-Kanak 2001 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 31(1) akta sama yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Jika disabitkan, boleh didenda sehingga RM50,000 atau dipenjarakan sehingga 20 tahun atau kedua-duanya.

Timbalan Pendakwa Raya, Syamimi Farhana Muhammad A Aziz, menawarkan jaminan sebanyak RM20,000 bagi setiap tertuduh.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM5,000 bagi setiap tertuduh yang ketika ini belum diwakili peguam.

Sebutan semula bagi laporan perubatan ditetapkan pada 17 Mei depan.



TAJUK : COUPLE PLEAD NOT GUILTY

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 5 APR 2024

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Couple plead not guilty

**SEREMBAN:** A married couple pleaded not guilty in the Sessions Court yesterday to a charge of abusing the woman's five-year-old son.


The stepfather and mother of the victim made the plea before Judge Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

They were jointly charged for mistreating the boy by hitting him with a cane and clothes hanger, causing him to suffer physical injury at a house in Mantin between April last year and March 23 this year.

The charge, framed under Section 31 (1)(a) of the Child Act 2001, provides a maximum fine of RM50,000 or imprisonment for up to 20 years, or both.

The court allowed them bail of RM5,000 each in one surety and set May 17 for mention.

DPP Syamimi Farhana Muhammad A. Aziz prosecuted, while the couple were unrepresented. – Bernama



TAJUK : DERA ANAK DENGAN GUNA ROTAN, HANGER

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 5 APR 2024

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## SUAMI ISTERI MENGAKU TIDAK BERSALAH

# Dera anak dengan guna rotan, hanger

Oleh Ahmad Hasbi  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

### Seremban

Seorang suami isteri dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menyebabkan kecederaan ke atas anak lelaki mereka berusia lima tahun.

Kedua-dua tertuduh, Mohammad Zul Shafiq Shammadi, 29, dan Nurwadah-tulfatanah Mohamad, 25, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi selepas pertuduhan dibacakan.

Mengikut pertuduhan,

### » INFO

*Jika sabit kesalahan, kedua-dua tertuduh boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya.*

*Mahkamah menetapkan jaminan RM5,000 bagi setiap tertuduh yang tidak diwakili peguam.*

*Sebutan semula bagi laporan perubatan ditetapkan 17 Mei depan.*

tertuduh secara bersama sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan ter-

hadap seorang kanak-kanak lelaki berusia lima tahun menganiayai atau bertindak secara cuai dengan cara yang mungkin menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal dengan cara memukul menggunakan rotan dan penyangkut baju di tubuh badan mangsa.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah rumah di Jalan Pancaendera 6, Mantin antara April 2023 hingga 23 Mac lalu.

Mereka didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 31(1)(A) Akta Kanak-Kanak 2001 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 31(1) akta sama yang dibaca bersama Seksyen 34


Kanak Keseksaan.

Jika sabit kesalahan, kedua-dua tertuduh boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya.

Timbalan Pendakwa Raya Syamimi Farhana Muhammad A Aziz menawarkan jaminan RM20,000 bagi setiap tertuduh.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM5,000 bagi setiap tertuduh yang tidak diwakili peguam.

Sebutan semula bagi laporan perubatan ditetapkan pada 17 Mei depan.



TAJUK : COUPLE PLEADS NOT GUILTY TO CHILD ABUSE ALLEGATION

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 5 APR 2024

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Couple pleads not guilty to child abuse allegation

**SEREMBAN:** A couple claimed trial at the Sessions Court here on a charge of abusing a five-year-old boy.

The victim's mother, 25, and stepfather, 29, pleaded not guilty after the charge was read to them before judge Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

They allegedly committed the offence at a house in Mantin between April 2022 and March 23 of this year.


Both the accused had allegedly used a cane and clothes hanger to cause injury to the boy.

They were charged under Section 31(1)(a) of the Child Act 2001 which carries a jail term of up to 20 years or a fine of up to RM50,000 or both upon conviction.

Deputy public prosecutor Syamimi Farhana Muhammad A. Aziz offered each of the accused a bail of RM20,000 pending the next mention.

The couple was unrepresented.

Meor Sulaiman allowed the two to be released on a bail of RM5,000 with one surety each and fixed May 17 for the next mention.



## Suami isteri dituduh dera anak guna rotan, penyangkut baju

Oleh Ahmad Hasbi - April 4, 2024 @ 12:11pm  
bhnews@bh.com.my



SEREMBAN: Sepasang suami isteri dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas tuduhan menyebabkan kecederaan ke atas anak lelaki mereka yang berusia lima tahun, sejak April 2023.

Tertuduh, Mohammad Zul Shafiq Shammadi, 29 dan Nurwadahtulfatanah Mohamad, 25, mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

Mengikut pertuduhan, tertuduh secara bersama didakwa menganiayai atau bertindak secara cuai hingga kecederaan fizikal secara memukul menggunakan rotan dan penyangkut baju pada tubuh badan mangsa.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah rumah di Jalan Pancaindera 6, Mantin, dekat Nilai antara April 2023 sehingga 23 Mac tahun ini.


Mereka didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 31(1)(A) Akta Kanak-Kanak 2001 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 31(1) akta sama yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Jika disabitkan, boleh didenda sehingga RM50,000 atau dipenjarakan sehingga 20 tahun atau keduanya.

Timbalan Pendakwa Raya, Syamimi Farhana Muhammad A Aziz, menawarkan jaminan sebanyak RM20,000 bagi setiap tertuduh.

Mahkamah kemudiannya menetapkan jaminan RM5,000 bagi setiap tertuduh yang ketika ini belum diwakili peguam.

Sebutan semula bagi laporan perubatan ditetapkan pada 17 Mei depan.



TAJUK : PENJAGA TOKONG MENGAKU TAK SALAH ROGOL AKAUNTAN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 5 APR 2024

M/SURAT : 23

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Penjaga tokong mengaku tak salah rogol akauntan

Mahkamah tetapkan jaminan RM6,000, sebutan semula kes 6 Mei depan

Oleh Aizat Sharif  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Kangar:** Seorang penjaga tokong mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen semalam atas kesalahan merogol seorang akauntan wanita di sebuah tokong di Arau pada 29 Mac lalu.

Tertuduh, Ong Poh Sun, 58, menganggu faham dan membuat pengakuan tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan dalam bahasa Mandarin di hadapan Hakim Musyiri Peet.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa merogol seorang wanita berusia 27 tahun di dalam Tokong Seng Ong, Kampung Guar Paya, Arau pada 29 Mac lalu sekitar jam 3 petang.

Oleh itu, tertuduh didapati melakukan satu kesalahan mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan di mana sabit kesalahan boleh dipenjarakan hingga 20 tahun serta sebatan.

Pendakwaan dilaksanakan Timbalan Pendakwa Raya, Alia Suzila Chek Pi, manakala tertuduh diwakili peguam, Nurul Hanani Che Nor dari Yayasan



Poh Sun (tengah) dibawa ke Kompleks Mahkamah Kangar, semalam.

(Foto Aizat Sharif/BH)

Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

## Jaminan setimpal

Alia dalam hujahannya meminta mahkamah menetapkan jaminan RM8,000 terhadap tertuduh memandangkan kesalahan yang serius.

Bagaimanapun, Nurul Hanani dalam mitigasi memohon mahkamah mempertimbangkan jaminan setimpal memandangkan tertuduh ada penyakit kencing manis dan kolestrol selain menjaga isterinya yang turut ada masalah kesihatan.

Nurul Hanani juga berkata, tertuduh bekerja dan hanya tinggal bersama isterinya di tokong berkenaan dan tidak ada risiko untuk dirinya melarikan diri sebe-


lum tarikh sebutan semula kes.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM6,000 dengan seorang penjamin terhadap tertuduh dan tertuduh dikehendaki melaporkan diri di balai polis berhampiran sehingga tarikh sebutan semula kes.

Mahkamah menetapkan 6 Mei hadapan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Pada 29 Mac lalu, seorang akauntan wanita membuat laporan polis mendakwa dirogol seorang penjaga tokong yang juga pengamal perubatan tradisional di tokong itu.

Mangsa yang bertugas di sebuah firma perakaunan di Singapura hadir ke tokong berkenaan bersama bapanya untuk bersembahyang dan berubat.



TAJUK : PENJAGA TOKONG TIDAK NGAKU NODA AKAUNTAN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 5 APR 2024

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Penjaga tokong tidak ngaku **noda** akauntan

*Tertuduh didakwa merogol wanita di rumah ibadat di Kampung Guar Paya jam 3 petang*

Oleh Aizat Sharif  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

## Kangar

Seorang penjaga tokong mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas kesalahan merogol seorang akauntan di sebuah tokong di Arau, bulan lalu.

Tertuduh, Ong Poh Sun, 58, membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibacakan dalam bahasa Mandarin di hadapan Hakim Musyiri Peet.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa merogol wanita berusia 27 tahun di dalam sebuah tokong di Kampung Guar Paya, Arau sekitar jam 3 petang pada 29 Mac lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan di mana sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga 20 tahun serta sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Alia Suzila Chek Pi manakala tertuduh diwakili peguam, Nurul Hanani Che Nor dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).



ONG diiringi anggota polis ke Kompleks Mahkamah Kangar. - Gambar NSTP/AIZAT SHARIF

Alia dalam hujahannya meminta mahkamah menetapkan jaminan sebanyak RM8,000 terhadap tertuduh memandangkan kesalahan yang serius dilakukan.

Manakala, Nurul Hanani memohon jaminan ditimpal kerana tertuduh mempunyai penyakit

kencing manis dan kolestrol selain menjaga isterinya yang turut mempunyai masalah kesihatan sama.

"Tertuduh bekerja dan hanya tinggal bersama isterinya di tokong berkenaan dan tidak ada risiko untuk melarikan diri sebelum tarikh sebu-

tan semula kes," katanya.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan sebanyak RM6,000 dengan seorang penjamin selain dikehendaki melaporkan diri di balai polis berhampiran sehingga tarikh sebutan semula kes.

Tertuduh juga tidak dibenarkan mengganggu atau mendekati mangsa dalam tempoh kes berlangsung.

Mahkamah menetapkan 6 Mei hadapan sebagai tarikh sebutan semula kes berkenaan.

**"Tertuduh bekerja dan hanya tinggal bersama isterinya di tokong berkenaan dan tidak ada risiko untuk melarikan diri sebelum tarikh sebutan semula kes"**



# Penjaga tokong mengaku tidak bersalah rogol akauntan wanita

BERNAMA

04-04-2024 12:43 PM



Gambar hiasan - fotoREUTERS

**KANGAR:** Seorang penjaga tokong mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan merogol seorang akauntan wanita di Arau hujung Mac lepas.

Ong Poh Sun, 57, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Musyiri Peet selepas seorang jurubahasa membacakan pertuduhan kepadanya dalam Bahasa Mandarin.


Lelaki itu dituduh merogol wanita berusia 27 tahun di dalam sebuah tokong di Kampung Guar Paya di Arau kira-kira pukul 3 petang pada 29 Mac lepas.

Sehubungan itu dia didakwa mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh juga dikenakan sebatan sekiranya didapati bersalah.

Mahkamah membenarkan lelaki itu diikat jamin RM6,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan iaitu dia diperintahkan melaporkan diri di balai polis terdekat sebulan sekali, dan tidak boleh menghampiri serta mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan.

Mahkamah menetapkan 6 Mei ini untuk sebutan semula kes.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Alia Suzila Chek Pi manakala tertuduh diwakili peguam dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) Nurul Hanani Che Nor.



TAJUK : PENIAGA AIR DIDAKWA ROGOL KEKASIH BAWAH UMUR

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 5 APR 2024

M/SURAT : 23

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Aidie Edham didakwa di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

## Peniaga air didakwa rogol kekasih bawah umur

**Kota Bharu:** Seorang peniaga air didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas tuduhan merogol kekasihnya yang juga remaja bawah umur, bulan lalu.

Aidie Edham Jafridin, 24, mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan selepas kertas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Nik Habri Muhammad.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa merogol seorang remaja perempuan berusia 13 tahun lapan bulan di sebuah rumah di Gunong, dekat Bachok, kira-kira jam 10 pagi pada 27 Mac lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksanan (Akta 574) yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Faiz Fitri Mohamad, manakala tertuduh diwakili peguam bela, Muhammad Zulfaqar Al-Basysyar Saharrudin.

Terdahulu, Ahmad Faiz Fitri mencadangkan jaminan lebih tinggi antara RM12,000 hingga RM14,000 terhadap tertuduh dengan syarat lelaki itu tidak mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan.

Bagaimanapun, Muhammad Zulfaqar Al-Basysyar memohon mahkamah membenarkan anak guamnya dijamin RM10,000 kerana tertuduh membantu bapanya menjual air kelapa dengan pendapatan RM50 sehari.

Katanya, anak kedua daripada lapan beradik itu hanya bersekolah sehingga Tingkatan Empat dan mengalami masalah pembelajaran.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM12,000 dengan seorang penjamin dengan syarat tidak mengganggu saksi dan melaporkan diri di Balai Polis Gunong sebulan sekali.

Mahkamah menetapkan 6 Mei sebagai tarikh sebutan semula kes.



TAJUK : PENIAGA AIR NAFI NODA KEKASIH

HARI : JUMAAT

TARIKH : 5 APR 2024

TONE : NEGATIF

AKHBAR : HARIAN METRO

M/SURAT : 30

SEKTOR : KPWKM



AIDIE didakwa di Mahkamah Sesyen, Kota Bharu atas tuduhan merogol kekasih. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

## Peniaga air nafi noda kekasih

**Kota Bharu:** Seorang peniaga air didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan merogol kekasihnya, 27 Mac lalu.

Tertuduh, Aidie Edham Jafridin, 24, mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan selepas kertas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Nik Habri Muhamad.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa merogol seorang remaja perempuan berusia 13 tahun lapan bulan di sebuah rumah di Gunong, Bachok pada 27 Mac lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Ka-

nun Keseksaan (Akta 574) yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Faiz Fitri Mohamad manakala tertuduh diwakili peguam bela, Muhammad Zulfaqar Al-Basysyar Saharrudin.

Terdahulu, Ahmad Faiz Fitri mencadangkan jumlah jaminan lebih tinggi iaitu RM12,000 hingga RM14,000 kepada tertuduh dengan syarat lelaki itu tidak mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan.


Bagaimanapun, Muhammad Zulfaqar Al-Ba-

sysyar memohon mahkamah membenarkan anak guamnya dijamin sebanyak RM10,000 kerana tertuduh membantu bapanya menjual air kelapa dengan pendapatan RM50 sehari.

Katanya, tertuduh adalah anak kedua daripada lapan beradik itu hanya bersekolah sehingga Tingkatan Empat sahaja dan mengalami masalah pembelajaran.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM12,000 dengan seorang penjamin dengan syarat tidak mengganggu saksi serta melaporkan diri di Balai Polis Gunong sebulan sekali.

Mahkamah juga menetapkan 6 Mei depan sebagai tarikh sebutan semula kes.



## Didakwa rogol kekasih bawah umur

Hidayatidayu Razali  
am@hmetro.com.my



Kota Bharu: Peniaga air didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini atas tuduhan merogol kekasihnya, 27 Mac lalu.

Tertuduh, Aidie Edham Jafrudin, 24, mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan di hadapan Hakim Nik Habri Muhamad.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa merogol remaja perempuan berusia 13 tahun lapan bulan di sebuah rumah di Gunong, dekat Bachok pada 10 pagi, 27 Mac 2024.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Faiz Fitri Mohamad, manakala tertuduh diwakili peguam Muhammad Zulfaqar Al-Basysyar Saharrudin.

Terdahulu, Ahmad Faiz Fitri mencadangkan jaminan tinggi, antara RM12,000 hingga RM14,000 kepada tertuduh dan syarat tidak mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan.


Bagaimanapun, Muhammad Zulfaqar Al-Basysyar memohon mahkamah membenarkan anak guamnya diikat jamin RM10,000, mengambil kira tertuduh hanya membantu bapanya menjual air kelapa dengan pendapatan RM50 sehari.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM12,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan tidak mengganggu saksi serta perlu melaporkan diri di Balai Polis Gunong sebulan sekali.

Tarikh sebutan semula kes ditetapkan 6 Mei depan.



TERTUDUH didakwa di Mahkamah Sesyen atas tuduhan merogol remaja perempuan berusia 13 tahun lapan bulan. FOTO Nik Abdullah Nik Omar.



## Rogol cucu: Petani kena 20 tahun, 6 sebatan

Published on: Thursday, April 04, 2024

By: Cynthia D Baga



*Kesalahan mengikut Seksyen 376(2)(e) Kanun Keseksaan itu membawa hukuman penjara antara 10 dan 30 tahun, dan sebatan, jika sabit kesalahan.*

**KOTA KINABALU:** Seorang petani rakyat Timor berusia 56 tahun dipenjara 20 tahun dan enam kali sebatan rotan kerana merogol cucu perempuannya yang berusia tujuh tahun.

Hakim Mahkamah Sesyen Elsie Primus menjatuhkan hukuman itu ke atas lelaki terbabit yang mengaku bersalah atas pertuduhan yang dikenakan terhadapnya.

Lelaki itu, ketika proses perbicaraan, menukar pengakuannya selepas pihak pendakwaan sudah memanggil enam saksi dalam perbicaraan.

Dia merogol gadis itu antara jam 9 pagi dan 6 petang pada 2018 di ladang kelapa sawit di Jalan Marak-Parak, Kota Marudu.

Kesalahan mengikut Seksyen 376(2)(e) Kanun Keseksaan itu membawa hukuman penjara antara 10 dan 30 tahun, dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Mahkamah memerintahkan lelaki itu menjalani hukuman penjara dari tarikh dia didakwa di mahkamah iaitu pada 27 Sept, 2022.

Selepas selesai hukuman penjara, lelaki itu diperintah dirujuk ke Jabatan Imigresen.

Lelaki itu, yang tidak diwakili, merayu hukuman ringan semasa mitigasi.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya Siti Hajar Mazlan menggesa mahkamah menjatuhkan hukuman berat atas alasan ia merupakan kesalahan serius kerana mangsa dalam kes itu adalah cucu lelaki terbabit yang sepatutnya dilindungi olehnya dan bukannya melakukan kesalahan itu.

Siti seterusnya berhujah lelaki itu hanya menukar pengakuan selepas pihak pendakwaan memanggil enam saksi.